GUINESS ANCHOR MARKETING SDN BHD

lwn.

SOH LEONG CHET

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
RAMLY ALI H
[KEBANKRAPAN NO: 29-141-1996]
7 JUN 2002

KEBANKRAPAN: *Petisyen - Petisyen pemuitang penghakiman - Penolakan pendengaran semula - Rayuan pemuitang penghakiman - Sama ada petisyen boleh didengar semula memandangkan perintah kebankrapan telah pun dibuat dan diketepikan - Sama ada pendengaran petisyen yang, digantung sehingga rayuan penghutang penghakiman terhadap penghakiman diputuskan, boleh didengar semula apabila rayuan tersebut dibatalkan - Sama ada perintah menggantungkan prosiding kebankrapan harus spesifik menyatakan bahawa petisyen telah digantungkan - Sama ada petisyen boleh didengar semula memandangkan perintah kebankrapan telah pun diketepikan*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Notis - Perkataan-perkataan dalamnya tidak konsisten dengan perintah yang dirayui - Sama ada notis tidak teratur dan cacat - Sama ada ketidakpatuhan teknikal sahaja - Sama ada maksud dan tafsiran adalah sama - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 1A, A. 2 k. 3*

Pemuitang penghakiman ('JC') memfailkan satu petisyen pemuitang ('CP') dalam kandungan 18 terhadap penghutang penghakiman ('JD') berdasarkan satu penghakiman ingkar yang diperolehinya terhadap JD. Seterusnya JD memohon, antara lain, dalam kandungan 39 bahawa prosiding bankrupsi terhadapnya ditangguhkan sehingga rayuannya terhadap penghakiman ingkar tersebut diputuskan. Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') menolak permohonan tersebut dan membuat perintah kebankrapan ('AORO') terhadap JD. JD merayu kepada hakim dalam kamar yang membenarkan rayuan dan mengenepikan AORO tersebut. Seterusnya, rayuan JD terhadap penghakiman ingkar telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi. Berikutannya, JC memohon kepada PKP agar CPnya dibicarakan. Tetapi PKP membuat perintah bahawa CP tidak boleh didengar semula memandangkan AORO telah pun diberikan dan telah diketepikan. Maka rayuan JC ini.

JD menentang rayuan ini atas alasan bahawa: (1) permohonan dalam kandungan 39 patut didengar semula terlebih dahulu sebelum CP didengar disebabkan PKP telah menolak permohonan tersebut tanpa mendengar meritnya; (2) perintah hakim dalam kamar tidak spesifik menyatakan bahawa CP telah digantungkan,

maka CP telah berakhir dan tamat dan tidak boleh didengar semula; (3) CP tidak boleh didengar semula atas alasan AORO mengenainya telah pun diberikan oleh PKP; dan (4) notis rayuan yang difailkan oleh JC adalah tidak teratur dan cacat.

Diputuskan:

[1] Kandungan 39 telah pun didengar oleh PKP dan hakim dalam kamar dengan sepenuhnya. Hakim dalam kamar telah membuat keputusan setelah menimbangkan meritnya. Dari segi undang-undang segala rayuan yang dibuat terhadap keputusan PKP kepada hakim dalam kamar adalah bersifat pendengaran semula dan hakim boleh mendengarkan dan menimbangkan rayuan tersebut seolah-olah ianya dipertimbangkan buat pertama kalinya. Berikutannya, kandungan 39 telah pun dibicarakan dan dipertimbangkan dua kali, iaitu oleh PKP dan oleh hakim dalam kamar. Lagi, PKP telah menolak bantahan JD mengenai isu ini dan JD tidak memfailkan sebarang rayuan terhadap keputusan PKP tersebut. Maka isu ini sepatutnya dianggap selesai dan tidak patut ditimbulkan semula diperingkat ini. (ms 659 f-h & 660 a-h)

[2] JD telah tersilap tafsir dan terlalu teknikal apabila menimbulkan hujahan bahawa hakim dalam kamar tidak menyatakan dengan spesifik CP telah digantung sehingga rayuan JD terhadap penghakiman ingkar diputuskan. Hujahan sedemikian tidak berasas dan tidak lojik sama sekali kerana hakim dalam kamar dengan jelas memutuskan "bahawa prosiding bankrupsi terhadap Perayu ditangguhkan sehingga rayuan berhubung dengan penghakiman ingkar berkenaan diputuskan". Tanpa menyatakan perkataan "Petisyen Pemuitang" atau "kandungan 18" di dalam perintah tersebut tidak bermakna CP tersebut tidak ditangguhkan. CP merupakan sebahagian daripada prosiding bankrupsi. Malahan ianya merupakan pokok utama kepada sesuatu prosiding bankrupsi. Maka perintah tersebut merangkumi CP dan lain-lain prosiding sampingan berkaitan dengannya, jika ada. (ms 661 a-e)

[3] Hujahan JD bahawa CP tidak boleh didengar semula atas alasan AORO telah pun diberikan dan diketepikan, tidak disokong oleh sebarang peruntukan undang-undang. Hujahan ini bertentangan dengan perintah hakim dalam kamar bahawa prosiding bankrupsi terhadap perayu ditangguhkan sehingga rayuan JD terhadap penghakiman ingkar diputuskan. Petisyen tersebut masih hidup, lebih-lebih lagi memandangkan AORO telah pun diketepikan. Perintah tersebut jelas bermaksud bahawa petisyen berkenaan akan diteruskan prosidingnya atau perbicaraannya selepas rayuan terhadap penghakiman ingkar diputuskan. (ms 661 f-h & 662 a)

[4] Hujahan JD bahawa notis rayuan JD tidak teratur dan cacat oleh kerana ia tidak konsisten dengan keputusan yang dibuat oleh PKP terlalu teknikal dan bertentangan dengan A. 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. JD lebih terpengaruh dengan "mainan perkataan-perkataan" tanpa memikirkan hakikat dan tujuan sebenar perintah tersebut dibuat. Notis rayuan tersebut menyatakan bahawa "Petisyen Pemuitang ingin merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang memerintahkan bahawa Petisyen Pemuitang tidak harus ditetapkan untuk pendengaran", dan ini adalah selaras dengan maksud dan tafsiran keputusan PKP yang memutuskan "CP tidak boleh didengar semula memandangkan AORO telah diketepikan". Lagi, notis rayuan tersebut jelas menunjukkan rayuan tersebut dibuat terhadap keputusan PKP pada tarikh berkenaan. Malahan tidak ada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa perkataan-perkataan tersebut telah memprejudiskan kepentingan atau hak JD. Juga tiada ciri-ciri "substantial miscarriage of justice" yang diakibatkan selaras dengan A. 2 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. (ms 662 b-h & 663 a-d)

[Rayuan dibenarkan dengan kos; CP dirujuk semula kepada PKP untuk didengar dan diputuskan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Jalil Abdul Mutalib v. City One Sdn Bhd & Anor [2002] 1 CLJ 743 HC ***(dibezakan)***

Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd [2002] 1 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***

Re Maheswary Ramasamy, ex p BSN Commercial Bank (M) Bhd [2001] 4 CLJ 544 HC ***(dibezakan)***

Seloga Jaya Sdn Bhd v. Pembinaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd [1994] 2 CLJ 716 SC ***(dirujuk)***

Tuan Hj Ahmed Abdul Rahman v. Arab Malaysian Finance Bhd [1996] 1 CLJ 241 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 1A, O. 2 r. 3

Bagi pihak perayu/JC - K Maniam; M/s Skrine

Bagi pihak responden/JD - Anthony M Sebastian; M/s Anthony M Sebastian & Co

[JD telah memfail rayuan kepada Mahkamah Rayuan melalui Rayuan Sivil No: C-03-48-2002]

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Ramly Ali H:

Alasan penghakiman ini adalah berkaitan dengan notis rayuan yang telah difailkan oleh perayu (yang merupakan pemiutang penghakiman (JC) di dalam kes ini) melalui kandungan 71 di mana perayu merayu kepada hakim dalam

kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar (PKP) yang diberikan pada 5 September 2001 di mana PKP telah memutuskan bahawa "petisyen pemiutang (creditor's petition – CP) tidak boleh didengar semula memandangkan AORO telah pun diketepikan". Di dalam alasan penghakiman ini, perayu akan dirujuk sebagai "JC" manakala responden dirujuk sebagai "JD".

Latar Belakang

Satu petisyen pemiutang (CP) telah difailkan oleh JC terhadap JD (yang merupakan penghutang penghakiman dan responden di dalam rayuan ini) pada 18 November 1997 (kandungan 18). CP tersebut difailkan berasaskan kepada satu penghakiman ingkar yang telah diberikan terhadap JD pada 9 September 1993. CP tersebut telah difailkan semasa rayuan terhadap penghakiman ingkar berkenaan oleh JD masih belum diputuskan.

Selanjutnya JD telah memfailkan satu saman dalam kamar pada 25 Julai 1998. (Kandungan 39) memohon antara lain supaya prosiding kebankrapan terhadapnya yang difailkan oleh JC digantung sementara sehingga rayuan JD terhadap penghakiman ingkar berkenaan diputuskan. PKP telah mendengar permohonan tersebut (kandungan 39) pada 21 Oktober 1998 dan menolaknya; dan selanjutnya telah membuat perintah kebankrapan (AORO) terhadap JD.

Pada 23 Oktober 1998 JD telah memfailkan satu rayuan terhadap keputusan PKP tersebut kepada hakim dalam kamar. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Temerloh (pada masa itu) setelah membicarakan rayuan tersebut telah pada 25 Mac 1999 membenarkan rayuan JD dengan memerintahkan antara lain bahawa prosiding kebankrapan terhadap JD ditangguhkan sementara sehingga rayuan berhubung penghakiman ingkar berkenaan diputuskan.

Seterusnya, rayuan JD terhadap penghakiman ingkar tersebut telah pun dibatalkan dengan kos oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 29 September 1999. Berikutan dengan itu, peguam JC telah menulis kepada PKP memberitahu tentang pembatalan rayuan berkenaan dan memohon agar CP (yang ditangguhkan prosidingnya oleh Yang Arif hakim dalam kamar pada 25 Mac 1999) ditetapkan untuk perbicaraan. Dalam perbicaraan CP pada 4 April 2001, peguam JD telah membuat bantahan terhadap perbicaraan tersebut atas alasan bahawa kandungan 39 (yang difailkan oleh JD pada 25 Julai 1998) perlu dibicarakan semula terlebih dahulu. Selepas meneliti hujahan bertulis kedua-dua pihak mengenai isu tersebut, PKP telah menolak bantahan peguam JD tersebut dan seterusnya menetapkan CP didengar untuk perbicaraan pada 5 September 2001. Pada 5 September 2001 PKP telah membuat perintah bahawa CP (kandungan 18) tidak boleh didengar semula memandangkan AORO berkaitan dengannya telah pun diberikan dan telah diketepikan. JC, tidak berpuashati

dengan perintah PKP tersebut, telah memfailkan notis rayuan (kandungan 71) kepada hakim dalam kamar, pada 11 September 2001, yang sekarang ini menjadi pertimbangan mahkamah di dalam alasan penghakiman ini.

Isu-Isu Yang Ditimbulkan

Peguam JD di dalam hujahannya menentang rayuan ini telah menimbulkan isu-isu berikut:

(i) bahawa PKP telah menolak permohonan JD di dalam kandungan 39 tanpa mendengar meritnya, oleh itu kandungan 39 patut didengar semula terlebih dahulu sebelum CP didengar;

(ii) bahawa perintah yang dibuat oleh hakim dalam kamar pada 25 Mac 1999 tidak menyatakan secara spesifik bahawa CP (kandungan 18) digantungkan, oleh itu CP tersebut telah berakhir dan tamat, dan tidak boleh didengar semula oleh PKP;

(iii) bahawa CP (kandungan 18) tersebut tidak boleh didengar semula atas alasan AORO mengenainya telah pun diberikan oleh PKP pada 21 Oktober 1998; dan

(iv) bahawa notis rayuan (kandungan 71) yang difailkan oleh JC adalah tidak teratur dan cacat/defektif dan sepatutnya tidak boleh dipertimbangkan oleh mahkamah ini.

Pendapat Mahkamah

Mengenai Kandungan 39

Mengikut rekod mahkamah, kandungan 39 telah pun didengar oleh PKP pada 7 Oktober 1998 walaupun terdapat bantahan yang dibuat oleh JC. Hujahan terperinci mengenainya telah dibuat oleh kedua-dua pihak pada tarikh tersebut. Pada 21 Oktober 1998, PKP telah memberikan keputusan menolak kandungan 39 dengan kos; dan seterusnya membuat perintah AORO pada hari yang sama. PKP juga memerintahkan 'stay' ke atas keputusan tersebut sehingga rayuan mengenainya diputuskan. JD telah memfailkan rayuan kepada hakim dalam kamar, pada 25 Mac 1999 telah memberi keputusannya yang antara lain berbunyi:

> Dengan demikian adalah diperintahkan prosiding bankrupsi terhadap Perayu ditangguhkan sehingga rayuan berhubung dengan penghakiman ingkar berkenaan diputuskan. Diperintahkan juga bahawa adjudicating order bertarikh 21/10/1998 terhadap Perayu diketepikan. Tiada perintah untuk kos.

Mahkamah ini telah berpeluang membaca dan meneliti alasan penghakiman penuh oleh hakim dalam kamar berkenaan dan berpuashati bahawa hakim telah pun mendengar dan menimbangkan kandungan 39 sepenuhnya sebelum membuat keputusan bahawa prosiding bankrupsi terhadap perayu ditangguhkan sehingga rayuan berhubung dengan penghakiman ingkar berkenaan diputuskan. Ini adalah sejajar dengan permohonan JD di perenggan 2, kandungan 39 tersebut. Keputusan yang dibuat oleh hakim dalam kamar tersebut dibuat setelah beliau menimbangkan merit permohonan JD. Ini adalah kerana di segi undang-undang segala rayuan yang dibuat terhadap keputusan PKP kepada hakim dalam kamar adalah bersifat pendengaran semula dan hakim boleh mendengar dan menimbangkan rayuan tersebut seolah-olah ianya baru pertama kali dipertimbangkan. Ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Agong di dalam kes *Seloga Jaya Sdn. Bhd. v. Pembinaan Keng Ting (Sabah) Sdn. Bhd.* [1994] 2 CLJ 716. Prinsip ini juga telah diputuskan di dalam kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v. Arab Malaysian Finance Bhd.* [1996] 1 CLJ 241 di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> With respect, in appeals to a judge in chambers from the decision of a registrar of the High Court, the judge is not exercising appellate jurisdiction in the same sense as when he hears appeals from judgments, decisions or orders of the subordinate courts. **Such appeals from decisions of the registrar are by way of an actual rehearing and the judge treats the matter as though it comes before him for the first time.** The judge is therefore not confined to the points taken before the registrar so that the rule about new points being not generally open to an appellant to take on appeal does not apply.

Berdasarkan fakta dan autoriti-autoriti di atas, adalah jelas bahawa hakim dalam kamar telahpun menimbangkan permohonan JD di dalam kandungan 39 semasa membuat keputusan mengenainya pada 25 Mac 1999. Oleh itu, ini bermakna kandungan 39 telah pun dibicara dan dipertimbangkan dua (2) kali iaitu pertama kali oleh PKP pada 21 Oktober 1998 dan kali kedua oleh hakim dalam kamar pada 25 Mac 1999.

Bantahan JD mengenai isu ini, ie, tentang kandungan 39 patut didengar semula terlebih dahulu oleh PKP sebelum CP dibicarakan, telah pun juga ditimbulkan oleh peguam JD semasa CP ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan PKP pada 4 April 2001. Selepas kedua-dua pihak membuat hujahan bertulis mengenainya, PKP telah pun menolak bantahan tersebut. Pihak JD tidak memfailkan sebarang rayuan terhadap keputusan PKP tersebut. Maka isu tersebut sepatutnya dianggap selesai dan tidak patut ditimbulkan semula diperingkat ini.

Mengenai Kandungan 18

Mahkamah ini berpendapat bahawa peguam JD telah tersilap tafsir dan terlalu 'teknikal' apabila menimbulkan hujahan bahawa hakim dalam kamar semasa membuat keputusannya pada 25 Mac 1999 tidak menyatakan secara spesifik bahawa CP (kandungan 18) digantung sehingga rayuan berhubung dengan penghakiman ingkar berkenaan diputuskan. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa hujahan sedemikian adalah tidak berasas dan tidak lojik sama sekali, kerana hakim dalam kamar di dalam keputusan tersebut dengan jelasnya memutuskan "**bahawa prosiding bankrupsi terhadap Perayu** ditangguhkan sehingga rayuan berhubung dengan penghakiman ingkar berkenaan diputuskan." Perkataan di dalam keputusan tersebut selaras dengan apa yang dipohon oleh JD di dalam permohonannya di dalam kandungan 39. JD sepatutnya tahu sendiri apakah perintah yang dipohon olehnya. Dengan berhujah sedemikian seolah-olah peguam JD mengatakan JD tidak memohon supaya CP bertarikh 18 November 1997 (kandungan 18) yang difailkan oleh JC terhadapnya ditangguhkan.

Kalau begitu, apakah sebenarnya yang dipohon oleh JD melalui kandungan 39? Nampaknya peguam JD terlalu 'teknikal' di dalam perkara ini. Tanpa menyatakan perkataan "petisyen pemiutang" atau "kandungan 18" di dalam perintah tersebut tidak bermakna CP tersebut tidak ditangguhkan, di dalam konteks kes ini. Mahkamah ini berpendapat bahawa sesuatu petisyen pemiutang (CP) adalah merupakan sebahagian daripada prosiding bankrupsi. Malahan ianya merupakan pokok utama kepada sesuatu prosiding bankrupsi. Jadi, bila keputusan hakim dalam kamar tersebut menyebut "prosiding bankrupsi terhadap perayu ditangguhkan", ini bermakna ianya merangkumi petisyen pemiutang (CP) kandungan 18 dan lain-lain prosiding sampingan berkaitan dengannya (jika ada).

Mengenai Perintah AORO

Peguam JD juga menghujahkan bahawa CP (kandungan 18) tidak boleh didengar semula atas alasan AORO telah diberi dan ketepikan. Mengikut beliau CP (kandungan 18) telah selesai dan tamat fungsinya dan oleh itu tidak boleh didengar semula.

Hujahan ini tidak disokong oleh sebarang peruntukan undang-undang. Malahan hujahan ini adalah bertentangan dengan perintah hakim dalam kamar bertarikh 25 Mac 1999 yang berbunyi "prosiding bankrupsi terhadap perayu ditangguhkan sehingga rayuan berhubung dengan penghakiman ingkar berkenaan diputuskan". Perkataan "ditangguhkan" seperti yang digunakan di dalam perintah tersebut tidak bermaksud bahawa CP (kandungan 18) yang merupakan pokok utama prosiding bankrupsi, dibatalkan atau ditamatkan fungsinya. Ianya hanya ditangguhkan sementara sehingga rayuan diputuskan. Petisyen tersebut masih 'hidup', lebih-lebih lagi perintah AORO berkaitan dengannya telah pun

diketepikan (set aside). Keputusan tersebut jelas bermaksud bahawa petisyen berkenaan (kandungan 18) akan diteruskan prosidingnya atau perbicaraannya selepas rayuan terhadap penghakiman ingkar diputuskan. Oleh itu mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa petisyen tersebut masih lagi 'hidup' dan boleh ditetapkan untuk disambung prosidingnya selepas rayuan JD terhadap penghakiman ingkar berkenaan dibatalkan pada 29 September 1999.

Mengenai Notis Rayuan (Kandungan 71)

Peguam JD juga menghujahkan bahawa notis rayuan (kandungan 71) yang difailkan oleh JC adalah tidak teratur dan cacat dan sepatutnya tidak dipertimbangkan oleh mahkamah ini. Beliau menghujah sedemikian atas alasan bahawa notis rayuan tersebut tidak konsisten dengan keputusan yang dibuat oleh PKP pada 5 September 2001. Mengikut peguam JD, PKP keputusannya tidak menggunakan perkataan-perkataan "petisyen pemiutang tidak ditetapkan untuk perbicaraan" seperti yang digunakan di dalam notis rayuan. Mengikut beliau lagi, apa yang PKP nyatakan di dalam keputusan tersebut adalah "petisyen pemiutang tidak boleh didengar semula memandangkan AORO telah diketepikan".

Di sini sekali lagi mahkamah ini berpendapat bahawa peguam JD telah terlalu 'teknikal' di dalam perkara ini. Beliau lebih terpengaruh dengan "mainan perkataan-perkataan" tanpa memikirkan hakikat dan tujuan sebenar perintah tersebut dibuat.

Notis rayuan (kandungan 71) tersebut menyatakan bahawa "petisyen pemiutang ingin merayu terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang memerintahkan bahawa petisyen pemiutang tidak harus ditetapkan untuk pendengaran", dan ini adalah selaras dengan maksud dan tafsiran keputusan PKP yang memutuskan "CP tidak boleh didengar semula memandangkan AORO telah diketepikan". Lagi pun notis rayuan tersebut jelas menunjukkan rayuan tersebut dibuat terhadap PKP yang dibuat pada 5 September 2001. Tidak ada apa-apa bukti yang menunjukkan perbezaan penggunaan perkataan-perkataan tersebut telah memprejudiskan kepentingan atau hak JD untuk membantah rayuan tersebut dan tidak juga terdapat ciri-ciri 'substantial miscarriage of justice' yang diakibatkan ke atas JD dan peguamnya. Mahkamah ini ingin menegaskan di sini bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat banyak kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah di negara ini (termasuk Mahkamah Persekutuan sendiri) yang menegaskan bahawa mahkamah tidak perlu menitikberatkan soal mengenai ketidakpatuhan teknikal (technical non-compliance) sehingga melupakan atau menjejaskan isu mengenai keadilan sesuatu kes (justice of the particular case). Contohnya ialah keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes: *Megat Najmuddin bin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd.* [2002] 1 CLJ 645.

Malahan hujahan teknikal yang ditimbulkan oleh peguam JD adalah bertentangan dengan A. 1A, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (Pindaan 2002) yang mula berkuatkuasa pada 16 Mei 2002 yang lalu, di mana Aturan tersebut menyatakan:

> Di dalam melaksanakan mana-mana kaedah dalam Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah ini atau Hakim hendaklah mengambilkira keadilan sesuatu kes dan bukan hanya ketidak-patuhan teknikal mana-mana kaedah dalam Kaedah-Kaedah ini.

Bantahan-bantahan yang dibuat oleh peguam JD dalam prosiding ini, baik di peringkat rayuan ini mahu pun di peringkat prosiding di hadapan PKP juga menyentuh tentang ketidakpatuhan prosedur yang pada pendapat mahkamah tidak menjejas atau memprejudiskan hak dan kepentingan JD; dan juga tidak mengakibatkan "substantial miscarriage of justice" terhadap JD atau peguamnya. Ini juga kalau diteliti, adalah bertentangan dengan prinsip peruntukan A. 2 k. 3, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (Pindaan 2002) yang menyatakan:

> Mahkamah atau Hakim tidak boleh membenarkan apa-apa bantahan awal oleh mana-mana pihak semata-mata atas alasan ketidakpatuhan mana-mana Kaedah-Kaedah ini melainkan jika Mahkamah atau Hakim berpendapat bahawa ketidakpatuhan itu telah menyebabkan ketidaklaksanaan keadilan yang substansial.

Peguam JD telah mengemukakan kes-kes: *Abdul Jalil Abdul Mutalib v. City One Sdn. Bhd. & Anor* [2002] 1 CLJ 743 dan *Re Maheswary v. Ramasamy, Ex-Parte BSN Commercial Bank (M) Bhd.* [2001] 4 CLJ 544 untuk menyokong hujahan beliau yang menyatakan notis rayuan JC adalah cacat dan tidak teratur dan patut ditolak. Mahkamah ini berpendapat bahawa prinsip undang-undang mengenai isu berkenaan di dalam kedua-dua kes tersebut adalah merupakan prinsip yang betul dan sah. Namun demikian fakta terperinci di dalam kes-kes tersebut adalah jauh berbeza dengan fakta kes prosiding ini. Oleh itu, penggunaan prinsip tersebut kepada fakta-fakta di dalam kedua-dua kes berkenaan tidak semestinya boleh diikuti dan diterima pakai bagi fakta di dalam kes sekarang ini. Lagi pun kes-kes tersebut telah diputuskan sebelum berkuatkuasanya A. 1A dan A. 2 k. 3 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (Pindaan) 2002 yang telah mula berkuatkuasa pada 16 Mei 2002 yang lalu. Di dalam kes *Abdul Jalil Abdul Mutalib*, perayu membuat rayuan terhadap satu keputusan yang langsung tidak pernah dibuat oleh PKP di mana perayu ingin merayu terhadap keputusan PKP yang menolak permohonannya **"tanpa kos"** sedangkan perintah sebenar yang dibuat oleh PKP adalah "permohonan ditolak **dengan kos**".

Di dalam kes *Re Maheswary Ramasamy* pula, perayu ingin merayu terhadap keputusan PKP yang kononnya memerintahkan permohonan penghutang penghakiman di bawah k. 117 dan k. 18, Akta Kebankrapan 1967 ditolak, sedangkan sebenarnya tidak ujud kaedah-kaedah sedemikian di dalam Akta tersebut.

Keputusan

Berdasarkan kedudukan di atas, mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa hujahan dan bantahan yang ditimbulkan oleh JD di dalam rayuan ini adalah tidak bermerit dan tidak patut diterima. Mahkamah tidak akan membenarkan hujahan dan bantahan teknikal sedemikian digunakan untuk menjejaskan petisyen yang dibuat oleh JC, lebih-lebih lagi penghakiman terhadap JD telah diperolehi pada tahun 1993. Oleh itu mahkamah ini memutuskan dan memerintahkan agar rayuan oleh JC di dalam kandungan 71 dibenarkan dengan kos. Mahkamah juga memerintahkan agar CP (kandungan 18) dirujuk semula kepada PKP untuk didengar dan diputuskan.